

**DI DALAM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH TERENGGANU
DI KUALA TERENGGANU
DI NEGERI TERENGGANU**

DALAM PERKARA PERMOHONAN PENGISYTIHARAN BUKAN ISLAM

PERMOHONAN NO: 11100-043-0104-2013

ANTARA

yyyy
KP: 123456

PEMOHON

**DI HADAPAN YANG ARIF
TUAN HAJI ROSDI BIN HARUN, SMT., AMZ., PJK.,
HAKIM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH TERENGGANU
DI KUALA TERENGGANU**

**PADA HARI RABU 20 SYAWAL 1434H
BERSAMAAN 28 OGOS 2013**

ATAS PERMOHONAN Pemohon, permohonan ini dipanggil untuk perbicaraan di dalam Mahkamah Terbuka, Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Terengganu, di Kuala Terengganu, dalam kehadiran pemohon. **MAKA PADA HARI INI YANG ARIF HAKIM TELAH MEMBUAT PENGHAKIMAN SEPERTI BERIKUT:-**

Kes di hadapan Mahkamah ini adalah permohonan pengisytiharan bukan Islam yang difailkan oleh pemohon pada 18/2/2013. Pemohon di dalam kes ini ialah Muhammad yyyy, No. KP: 123456 bekerja sebagai supervisor dengan pendapatan sebanyak RM 2,500. Pada masa ini alamat penyampaian Pemohon adalah di

Pemohon mendakwa telah memeluk agama Islam selama lebih kurang enam atau tujuh tahun bertujuan semata-mata untuk berkahwin dengan seorang perempuan Melayu yang beragama Islam. Namun, setelah Pemohon memeluk agama Islam, keluarga perempuan telah membatalkan pertunangan antara mereka berdua. Akibat dari itu, Pemohon tidak lagi berminat untuk memeluk agama Islam dan ingin kembali memeluk agama asalnya iaitu agama Buddha. Keputusan untuk keluar agama Islam oleh Pemohon ini dibuat tanpa wujudnya paksaan dari mana-mana pihak.

Kes ini dibicarakan secara sebelah pihak (ex-parte), namun pada pandangan Mahkamah sepatutnya pihak yang berwajib perlu dijadikan pihak dalam kes ini. Dan antara pihak yang bertanggungjawab menjaga masalah orang Islam ialah Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Terengganu (MAIDAM) sebagaimana diperuntukkan dalam Seksyen 27(1) Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 2001 yang menyatakan:

(1) Maka apabila menjadi kewajipan Majlis untuk menggalakkan, mendorong, membantu dan mengusahakan kemajuan dan kesejahteraan ekonomi dan sosial masyarakat Islam di Negeri Terengganu selaras dengan Hukum Syarak.

Antara masalah besar orang Islam yang berlaku adalah yang berkaitan dengan akidah. Majlis berkuasa mengatur dan menyelesaikan masalah orang Islam sebagaimana yang termaktub di dalam undang-undang supaya ia sesuai dengan kehendak hukum syarak.

Oleh yang demikian, ketika perbicaraan di dalam Mahkamah Terbuka bertarikh 29 Mei 2013, Mahkamah telah menetapkan tarikh bagi memastikan Pemohon hadir di Jabatan Mufti Negeri Terengganu pada 10 Jun 2013 terlebih dahulu untuk sesi perbincangan dan mendapatkan khidmat nasihat. Akan tetapi, Pemohon gagal hadir pada tarikh tersebut. Maka mahkamah telah menetapkan semula tarikh bagi memastikan kehadiran Pemohon ke Jabatan Mufti Negeri Terengganu iaitu pada 5 Ogos 2013. Mahkamah kemudiannya telah mendapat surat maklum balas dari pihak Pejabat Mufti No. Rujukan: JMN.TR.040/1/3/59 berkenaan sesi perbincangan yang telah diadakan antara pegawai Jabatan Hal Ehwal Fatwa dan Adat Melayu Terengganu bersama Pemohon.

Merujuk sesi perbincangan tersebut, di mana perjumpaan telah diadakan antara pemohon bersama Sohibus Samahah Dr. Zulkifly bin Hj. Muda, Mufti Negeri Terengganu yang turut serta dihadiri oleh Penolong Pengarah Jabatan Hal Ehwal Fatwa dan Adat Melayu Terengganu iaitu Encik Ihsanuddin bin Ismail dan Encik Kamal bin Mamat,

didapati bahawa Pemohon telah memeluk agama Islam pada tahun 2007 dan didaftarkan di Pejabat Agama Daerah Dungun. Pemohon menyatakan hubungannya bersama perempuan tersebut tidak direstui oleh pihak keluarga perempuan. Malah keluarga Pemohon juga tidak merestui pengislamannya. Permintaan pemohon adalah untuk menukar kembali nama Islamnya kepada agama asal dan menukar status agama pada kad pengenalan diri, dengan alasan-alasan berikut:

- (i) Kekangan keluarga,
- (ii) Tekanan persekitaran (Pemohon tetap tidak mengamalkan ajaran Islam sepanjang tempoh memeluk Islam),
- (iii) Ingin berkahwin dengan gadis pilihan beragama Buddha, dan
- (iv) Kebimbangan tentang status kelahiran anak dan status diri selepas kematian nanti.

Sebelum mengulas kes ini lebih jauh, Mahkamah berpendapat adalah mustahak dijelaskan secara ringkas akan kedudukan orang yang keluar agama Islam, atau kebiasaannya disebut murtad, di sisi perundangan Islam untuk memberi sedikit pemahaman dari sudut Hukum Syarak. Agama Islam telahpun menetapkan tiga bentuk atau bahagian jenayah, iaitu qisas, hudud dan takzir. Setiap bahagian ada hukuman-hukumannya yang telah diberi panduan oleh Syarak dan dihuraikan oleh ulamak. Yang membezakan antara satu bahagian jenayah dengan jenayah yang lain ialah nas Syarak dan tafsiran ulamak mengenai dengannya. Apakah pula jenis jenayah mengikut Hukum Syarak bagi kesalahan keluar dari agama Islam atau murtad?

Berdasarkan penulisan 'Kedudukan Murtad Menurut Perspektif Undang-undang di Malaysia' karangan Zulkifli Hasan dan Norfadhilah Mohd Ali, yang dirujuk dalam kitab Muhiit al-Muhiit oleh Bustani, tahun 1987, Beirut, Halaman 330, murtad berasal dari perkataan 'riddah' yang bermaksud kembali. 'Murtad' dari bahasanya bermaksud kembali dari sesuatu kepada sesuatu. Manakala dari segi istilahnya ia merujuk kepada kembali dari agama Islam kepada agama lain sama ada dengan niat, perbuatan atau perkataan. Oleh itu murtad ialah orang yang kembali kepada kekufuran setelah

menerima Islam. Ianya adalah salah satu dari jenis kesalahan yang boleh dikenakan hukuman hudud.

Hukuman azab neraka bakal menimpa golongan tersebut kelak dan teguran keras berkenaan isu murtad dinyatakan dalam Surah al-Baqarah ayat 217 yang berbunyi:

وَمَنْ يَرْتَدِدْ مِنْكُمْ عَنْ دِينِهِ فَيَمُتْ وَهُوَ كَافِرٌ فَأُولَئِكَ حَبِطَتْ أَعْمَالُهُمْ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ ۗ

وَأُولَئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ ۗ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ

Maksud: *Barang siapa yang murtad di antara kamu dari agamanya, lalu dia mati dalam kekafiran, maka mereka itulah yang sia-sia amalannya di dunia dan di akhirat, dan mereka itulah penghuni neraka, mereka kekal di dalamnya.*

Murtad itu adalah suatu kesalahan besar di sisi agama Islam dan mempunyai hukuman yang sangat berat. Para ulamak telah sepakat tentang wajibnya hukuman bunuh ke atas orang murtad berdasarkan sabda Rasulullah, riwayat al jamaah kecuali Muslim, riwayat ibn Abi Shaybah dan Abdul Razzaq dari Akrimah dari Ibn Abbas (Lihat Nayl al Awtar Jilid VII halaman 190):

من بدل دينه فاقتلوه

Maksud: *Sesiapa yang menukar keislamannya, bunuhlah dia.*

Jika dilihat kepada amalan-amalan sahabat-sahabat Baginda SAW pula, Saidina Ali Karamallah 'ala Wajhah telah melaksanakan hukuman ke atas satu kaum yang mendakwa beliau sebagai Tuhan dengan hukuman yang berat iaitu membakar mereka. Sebelum dijalankan hukuman, Saidina Ali Karamallah 'ala Wajhah telah meminta mereka bertaubat dan kembali pada Islam tetapi mereka enggan. Ibnu Abbas telah membangkang cara Saidina Ali menghukum demikian dan dia membawa hadith yang bermaksud: "Janganlah engkau mengazab mereka dengan azab Allah (api)". Ibn Abbas berpendapat mereka hendaklah dibunuh bukannya dibakar. Jadi Ibn Abbas berbeza pendapat dengan Saidina Ali dalam cara, bukan

pada prinsip. Abu Musa al-Asy'ari dan Muaz juga telah menjatuhkan hukuman bunuh ke atas seorang Yahudi di Yaman yang telah menganut Islam kemudian murtad. Muaz berkata: "Inilah hukuman Allah dan Rasul-Nya". (Muttafiq 'alaih)

Diriwayatkan juga oleh Abdul Razzaq bahawa Ibn Mas'ud mendapati satu kaum di Iraq telah murtad. Dia mengutus surat kepada Umar r.a. Kemudian Umar menjawab dengan menyuruhnya menjelaskan kepada mereka mengenai agama Islam dan syahadah 'la ilaha illallah'. Jika mereka menerimanya hendaklah dibebaskan mereka tetapi jika mereka menolak hendaklah dibunuh. Ibn Mas'ud kemudiannya meminta mereka kembali kepada Islam. Sebahagian mereka kembali manakala yang lain tidak. Ibn Mas'ud telah membunuh golongan yang murtad yang tidak mahu kembali kepada Islam itu.

Selain itu, diriwayatkan dari Abi Amru as-Syabani bahawa al-Mastaurid al-'Ajli telah masuk Kristian selepas menganut Islam lalu 'Utbah bin Faeqad menghantarkannya kepada Saidina Ali r.a. Saidina Ali memintanya agar kembali kepada Islam (bertaubat), tetapi dia menolak lalu Ali membunuhnya.

Petikan dari riwayat Sheikh Abu Sujak dalam Kitab Kifayah al-Akhyar, Taqiyyuddin Abu Bakar bin Muhammad al-Husaini, Maktabah al-Taufiqiah, halaman 736 menyebut kesan dari murtad:

فصل في الردة ومن ارتد عن الاسلام استتيب ثلاثا. فإن تاب والا قتل ولم يغسل ولم يصل عليه ولم يدفن في مقابر المسلمين.

Maksudnya: *Barangsiapa yang keluar daripada Islam, ia diminta bertaubat tiga kali. Jika bertaubat (diterima taubatnya dan ia kembali kepada Islam) dan jika tidak, dia dibunuh, dan tidak boleh dimandikan, tidak boleh disembahyangkan dan tidak boleh dikuburkan di perkuburan orang Islam.*

Seterusnya, Mahkamah dalam memutuskan kes ini telah melihat dua (2) isu yang timbul iaitu:

- (1) Sama ada Mahkamah berbidangkuasa mendengar dan memutuskan kes ini;
- (2) Sama ada pemeluk Islam Pemohon adalah sah atau sebaliknya.

Dalam isu pertama ini, Mahkamah akan membuat penelitian iaitu berkaitan persoalan adakah Mahkamah Syariah berbidang kuasa untuk membenarkan permohonan keluar agama Islam sedangkan Islam melarang dan mengharamkan penganutnya keluar agama Islam atau murtad? Adakah Perlembagaan Persekutuan ada memperuntukkan tentang perkara berkenaan kuasa Mahkamah Syariah dalam isu ini?

Menerusi badan kehakiman, Mahkamah Syariah telah diberikan hak dan kuasa yang sewajarnya dalam usaha melaksanakan undang-undang Islam di Malaysia sebagaimana pada tahun 1988, satu pindaan telah dibuat di Parlimen terhadap Perkara 121 (1A) dengan menambah fasal (1A) untuk mengelakkan konflik undang-undang berlaku antara Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah. Perkara 121 (1A) menyebut bahawa Mahkamah Sivil tidak boleh mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan apa-apa perkara dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah.

Dalam negeri Terengganu, undang-undang negeri telah memperuntukkan bidangkuasa yang diberikan oleh Pemerintah kepada Mahkamah-Mahkamah Syariah. Berdasarkan peruntukan Fasal (2) kepada Perkara 74 Perlembagaan Persekutuan, Badan Perundangan Negeri diberi kuasa untuk membuat undang-undang mengenai mana-mana perkara yang disebut dalam Senarai Negeri (iaitu Senarai Kedua yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan) atau Senarai Bersama. Peruntukan Jadual Kesembilan, Senarai (2) Butiran (1), Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan;

*1. Kecuali mengenai Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, Hukum Syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang-orang yang menganut agama Islam, termasuk Hukum Syarak berhubung dengan.....; mengawal pengembangan **iktikad dan kepercayaan** antara orang-orang yang menganut agama Islam; menentukan perkara-perkara Hukum Syarak dan iktikad dan adat istiadat Melayu.*

Mahkamah berpendapat perkataan iktikad itu termasuk permohonan Pemohon dalam kes ini. Bidang kuasa Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu pula telah diperuntukkan di dalam subseksyen 11(3)(b)(x)Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 iaitu:

Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah –

(a)

(b) dalam bidangkuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding jika semua pihak dalam tindakan atau prosiding itu adalah orang Islam dan tindakan atau prosiding itu adalah berhubungan dengan –

(x) pengisytiharan bahawa seseorang itu bukan lagi orang Islam;

Untuk mengelak berlakunya kekeliruan atau salah tafsir oleh mana-mana pihak, ingin Mahkamah jelaskan bahawa perkataan '**bukan lagi**' tidaklah bermaksud mana-mana orang Islam diberi kebenaran keluar Islam, tetapi ianya adalah berkenaan kuasa Mahkamah dalam menentukan status agama Islam mana-mana Pemohon. Maka, selaras dengan kuasa perundangan yang diberi oleh Perlembagaan Persekutuan, Badan Perundangan Negeri Terengganu adalah berkuasa melalui enakmen-enakmen negeri bagi mentadbir hal ehwal yang melibatkan agama Islam, termaksudlah kuasa Mahkamah di dalam mengadili permohonan keluar agama Islam.

Pendekatan implikasi atau tersirat telah diambil dalam beberapa keputusan Mahkamah Sivil dalam mentafsirkan bidangkuasa Mahkamah Syariah. Dalam kes *Lina Joy v. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan & Ors (2005) 6 MLJ 193*, perayu telah memohon kepada Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) untuk menukar namanya pertama kali kepada Lina Lelani dan kemudiannya kepada Lina Joy atas dasar pertukaran agama. Pertukaran namanya telah dibenarkan, tetapi perkataan 'Islam' masih tertera pada Kad Pengenalan beliau. Beliau telah mengemukakan bukti berkenaan pertukaran agamanya dan memohon JPN untuk memadamkan perkataan 'Islam' pada Kad Pengenalan tersebut. Walaubagaimanapun JPN telah meminta perayu untuk mengemukakan sijil atau perintah daripada Mahkamah Syariah. Secara

ringkasnya, prosedur permohonan penukaran status agama di Jabatan Pendaftaran Negara memerlukan pengesahan daripada pihak Mahkamah Syariah. Yang Arif Hakim mengatakan:

Oleh kerana Mahkamah Syariah mempunyai bidangkuasa untuk menentukan kesahan seseorang itu masuk Islam, maka Mahkamah Syariah jugalah yang mempunyai bidangkuasa untuk menentukan seseorang itu masih lagi Muslim atau sudah meninggalkan agama Islam sebagai agamanya.

Seterusnya, merujuk kes *Soon Singh Bikar Singh v pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) Kedah [1999]2 CLJ5*, Mohammed Dzaidin HMP di perenggan 4 memutuskan:

“Adalah jelas bahawa tujuan perundangan Enakmen-Enakmen Negeri dan Akta ialah untuk menyediakan suatu undang-undang mengenai penguatkuasaan dan pentadbiran undang-undang Islam, pembentukan dan organisasi Mahkamah Syariah dan perkara-perkara yang berkaitan. Oleh yang demikian, bila mana bidangkuasa dianugerahkan kepada Mahkamah-Mahkamah Syariah untuk mengadili perkara-perkara yang berhubung dengan memeluk agama Islam, adalah logik bahawa perkara-perkara yang berhubung dengan meninggalkan Islam (Murtad) boleh difahamkan sebagai perlu diandaikan termasuk dan terletak di dalam bidangkuasa Mahkamah-Mahkamah Syariah. Salah satu sebabnya ialah penentuan tentang kemurtadan seseorang saudara baru adalah melibatkan penyiasatan tentang keesahan tindakan keluar dari agama Islamnya di bawah undang-undang Islam menurut Hukum Syarak, yang mana hanya mahkamah Syariah yang memiliki kepakaran dan sesuai untuk menentukannya.

Merujuk kes *Zubaydah bt. Shaik Mohd Iwn. Kalaichelvan a/l Alagapan dan Lain-Lain*, Hakim Raus Sharif sewaktu memutuskan kes menyatakan:

“Adalah juga diputuskan bahawa soalan sama ada seseorang itu murtad atau tidak adalah persoalan Hukum Syarak, bukan Undang-undang Sivil”.

Otoriti-otoriti di atas jelas memberikan kuasa kepada Mahkamah Syariah bagi menentukan seseorang tersebut adalah Islam atau tidak. Oleh itu, status agama pemohon haruslah ditentukan berlandaskan peruntukan undang-undang dan korum yang betul, yang mana di dalam konteks ini adalah Mahkamah Tinggi Syariah, dan Mahkamah Tinggi Syariah adalah Mahkamah yang berkompeten dan mempunyai bidangkuasa mendengar dan memutuskan permohonan ini.

Dalam menghuraikan isu kedua kes ini iaitu sama ada pemeluk Islam Pemohon adalah sah atau tidak, perlulah Mahkamah menjawab perkara yang menjadi persoalan pokok yakni, "adakah pemohon seorang Islam?" sehingga menjadikan Pemohon tertakluk kepada undang-undang Syariah. Bagi memutuskan persoalan ini, Mahkamah harus merujuk kepada keterangan yang dikemukakan Pemohon dan pandangan/pendapat ulama-ulama mengenai hal ehwal yang berkaitan dengannya. Di dalam permohonan ini, keterangan telah diberi oleh Pemohon secara affidavit mengikut seksyen 101 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001.

Secara dasarnya, peruntukan tentang muallaf dan tatacara masuk Islam telah disebut secara khusus dalam Bahagian VIII Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 2001. Bagi memperjelaskan lagi bidangkuasa yang dibenarkan oleh Perlembagaan Persekutuan bagi Negeri Terengganu dalam mentadbir hal ehwal undang-undang diri dan keluarga orang yang menganut Islam, maka takrifan "Muallaf" sepertimana Seksyen 2(1) Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 2001 telah diberi iaitu:

2 - Tafsiran.

(1) Dalam Enakmen ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain - Muallaf ertinya seseorang yang baru memeluk agama Islam di bawah Seksyen 91.

Seseorang bukan Islam yang memeluk Islam disebut muallaf seperti diperuntukkan dalam Seksyen 92 Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 2001:

92 - Saat memeluk agama Islam.

*Seseorang itu memeluk agama Islam dan menjadi seorang orang Islam **sebaik-baik sahaja dia habis mengucap dua kalimah Syahadah** dengan syarat bahawa kehendak-kehendak seksyen 91 adalah dipenuhi; dan orang itu selepas itu disebut muallaf.*

Dalam menentukan sama ada Pemohon di dalam kes ini adalah seorang muallaf atau tidak, perlulah Mahkamah melihat syarat-syarat sah memeluk agama Islam sebagaimana dirakamkan dalam Seksyen 91 iaitu:

91 - *Kehendak-kehendak bagi pemelukan agama Islam.*

(1) Kehendak-kehendak yang berikut hendaklah dipatuhi bagi pemelukan sah agama Islam oleh seseorang-

(a) orang itu mestilah mengucapkan dua kalimah Syahadah dalam bahasa Arab secara yang semunasabahnya jelas;

(b) pada masa dia mengucap dua kalimah Syahadah itu, orang itu mestilah sedar bahawa kalimat itu bermakna "Aku naik saksi bahawa tiada Tuhan melainkan Allah dan aku naik saksi bahawa Nabi Muhammad S.A.W. ialah Pesuruh Allah"; dan

(c) pengucapan itu mestilah dibuat dengan kerelaan hati orang itu sendiri.

(2) Seseorang yang tiada dapat bercakap boleh, bagi maksud memenuhi kehendak perenggan (1)(a), mengucapkan dua kalimah Syahadah dengan menggunakan isyarat yang menunjukkan makna yang dinyatakan dalam perenggan (1) (b).

Dalam sesi perbincangan dengan Pegawai Jabatan Hal Ehwal Fatwa dan Adat Melayu Terengganu bertarikh 5 Ogos 2013, telah dinyatakan bahawa Pemohon telah membuat pendaftaran sebagai muallaf di Pejabat Agama Daerah Dungun. Pemohon dalam permohonan ini tidak ada mengemukakan apa-apa dokumen yang berkaitan dengan pendaftarannya sebagai muallaf. Maka Mahkamah membuat anggapan

bahawa dengan adanya pendaftaran tersebut dibuat, maka Pemohon telah mengucapkan Dua Kalimah Syahadah dalam Bahasa Arab. Sahnnya iman seseorang itu adalah dengan menyebut Syahadatain di mana ianya merupakan rukun Islam yang pertama. Hadith Rasulullah s.a.w yang diriwayatkan Bukhari dan Muslim yang bermaksud:

Dari Ibnu Umar r.a. ia berkata: Saya telah mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda, Islam itu dibina atas lima perkara. Pengakuan bahawa tiada tuhan melainkan Allah dan bahawa Nabi Muhammad itu pesuruh Allah, mendirikan solat, mengeluarkan zakat, mengerjakan haji dan berpuasa di bulan ramadhan.

Dalam *Majlis Agama Islam Pulau Pinang lwn Fatimah Tan bt. Abdullah [2009] JH27/II, hlm 185*, Mahkamah Rayuan Syariah Pulau Pinang memutuskan perayu disytiharkan sebagai seorang yang bukan Islam setelah berpuashati pemeluk Islamnya sewaktu berkahwin dengan suaminya masih belum sempurna dan jika tidak terus menyempurnakannya, maka seseorang itu tidak diterima menjadi Muslim malah kembali kepada status asalnya sebagai seorang bukan Islam pada kepercayaan asalnya melainkan dia mengucap syahadah dengan memenuhi syarat-syarat tertentu.

Dalam kes ini, Pemohon melalui kandungan affidavitnya di perenggan (2) dan (3) telah antara lain memohon pengisytiharan keluar agama Islam dan berdasarkan kepada penyusunan kata '**saya telah memeluk agama Islam**' dan '**saya ingin memohon keluar dari agama Islam**' di dalam permohonan pemohon, maka adalah difahami maksudnya bahawa pemohon pada ketika ini adalah berstatus seorang Islam dan mahu mengisytiharkan dirinya tidak lagi seorang Islam.

Tambahan pula, apabila pemohon telah memeluk agama Islam pada tahun 2007 dan didaftarkan di Pejabat Agama Daerah Dungun, Pemohon akan dan seterusnya diberi layanan atau keistimewaan sepertimana orang Islam yang lain. Seksyen 97 Enakmen yang sama menyebut:

97 - Pengiktirafan muallaf sebagai orang Islam.

*(1) Seseorang yang telah memeluk agama Islam dan pemeluk agama Islam itu telah didaftarkan dalam Daftar Muallaf hendaklah, bagi maksud mana-mana undang-undang Persekutuan atau Negeri, dan selama-lamanya **diperlakukan sebagai orang Islam.***

*(2) Seseorang yang pemeluk agama Islam olehnya telah didaftarkan di bawah undang-undang mana-mana Negeri hendaklah, bagi semua maksud di Negeri Terengganu dan bagi maksud penguatkuasaan peruntukan mana-mana undang-undang di Negeri Terengganu, **diperlakukan sebagai orang Islam.***

Berdasarkan huraian di atas, jelas kepada Mahkamah ini bahawa si Pemohon telah masuk Islam mengikut Hukum Syarak dan pendaftaran muallaf telah dibuat secara sah mengikut undang-undang. Dapat disimpulkan di sini bahawa pemeluk agama Islam oleh pemohon adalah sah dan telah menepati prosedur kemasukan Islam seperti yang dituntut oleh Seksyen 92 Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 2001, dan status agamanya pada masa kes ini didengar dan diputuskan masih lagi beragama Islam.

Mahkamah merasakan perlunya dibuat sedikit penjelasan berkenaan alasan Pemohon dalam sesi perbincangan dengan Pegawai Jabatan Hal Ehwal Fatwa dan Adat Melayu Terengganu di mana dinyatakan bahawa sepanjang tempoh memeluk Islam, Pemohon tidak mengamalkan ajaran Islam. Berdasarkan Seksyen 93 Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 2001 pula, telah diperuntukkan bahawa dari saat pemelukannya, seseorang muallaf tertakluk kepada tugas-tugas dan kewajipan-kewajipan yang sama seperti mana-mana orang Islam. Berpandukan seksyen ini, timbulnya persoalan 'bagaimanakah pula jika si muallaf tersebut tidak menjalankan tugas-tugas dan kewajipan sebagai orang Islam? Apakah si muallaf itu tidak lagi tergolong dari kalangan orang-orang Islam?' Mahkamah berpendapat kenyataan ini tidaklah boleh diambil kira sebagai sebab untuk keluar Islam.

Merujuk ayat 2-4 Surah al-Anfal di mana Allah berfirman:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ إِذَا ذُكِرَ اللَّهُ وَجِلَّتْ قُلُوبُهُمْ وَإِذَا تُلِيَتْ عَلَيْهِمْ آيَاتُهُ زَادَتْهُمْ إِيمَانًا وَعَلَىٰ رَبِّهِمْ يَتَوَكَّلُونَ. الَّذِينَ يُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنْفِقُونَ. أُولَٰئِكَ هُمُ الْمُؤْمِنُونَ حَقًّا ۚ

Maksud: *Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu (yang sempurna imannya) ialah mereka yang apabila ia disebut nama Allah (dan sifat-sifat-Nya) gementarlah hati mereka; dan apabila dibacakan kepada ayat-ayatnya, menjadikan mereka bertambah iman, dan kepada Tuhan mereka jualah mereka berserah. Iaitu orang-orang yang mendirikan sembahyang dan yang mendermakan sebahagian dari apa yang Kami kurniakan kepada mereka. Merekalah orang-orang yang beriman dengan sebenarnya-benarnya.*

Berhubung dengan amalan berlandaskan ajaran Islam yang tidak dilakukan Pemohon, maka Mahkamah berfikir bahawa alasan tersebut bukanlah boleh diambil kira dalam menentukan seseorang itu Islam atau tidak. Firman Allah di atas jelasnya memberi maksud bahawa sesiapa yang melaksanakan segala kewajipan adalah seorang mukmin kamil (sempurna imannya) dan sesiapa yang cuai dan tidak menunaikannya maka adalah ia seorang mukmin yang kurang atau cacat imannya. Oleh itu, apabila Pemohon tidak beramal, maka tiadalah imannya. Namun ianya tidak membawa kepada seseorang itu murtad dan tidak boleh dijadikan dasar untuk keluar Islam.

Seterusnya Mahkamah dalam memutuskan kes ini telah menerima pandangan dari Jabatan Mufti Negeri Terengganu untuk berkongsi dan memberi nasihat berkenaan permohonan keluar Islam Pemohon. Tindakan ini adalah selaras dengan seksyen 53 Enakmen Pentadbiran hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 2001 sepertimana berikut:

53 - Meminta pendapat daripada Jawatankuasa Fatwa.

Jika dalam mana-mana Mahkamah selain Mahkamah Syariah, apa-apa persoalan Hukum Syarak perlu diputuskan, Mahkamah itu boleh meminta

pendapat Jawatankuasa Fatwa tentang persoalan itu, dan Mufti boleh memperakukan pendapat Jawatankuasa Fatwa itu kepada Mahkamah yang membuat permintaan itu.

Oleh itu, kerjasama dua badan ini amat perlu bagi memastikan isu keluar agama Islam ini dapat diselesaikan dengan baik terutamanya dalam usaha menyelamatkan akidah orang muallaf. Justeru, berpandukan surat maklum balas dari Jabatan Mufti Negeri Terengganu: JMN.TR. 040/1/3/59 bertarikh 25 Ogos 2013 bersamaan 18 Syawal 1434H, setelah sesi perbincangan telah berlaku bersama Pemohon, pihak Jabatan telah mencadangkan dua (2) perkara. **Pertama**, Pemohon adalah tidak dibenarkan keluar daripada agama Islam bahkan jabatan ini tidak ada kuasa untuk membenarkan seseorang keluar daripada agama Islam. **Kedua**, pemohon perlu dibimbing dengan ajaran Islam yang secukupnya, mudah-mudahan hatinya kembali tertarik kepada Islam.

Mahkamah bersetuju dan menerima cadangan yang dikemukakan oleh Jabatan Mufti, bukan demi kepentingan Pemohon sahaja, malah untuk semua umat Islam. Ini kerana Islam telah menetapkan tujuan (maqasid) syariah yang pertama iaitu memelihara agama. Sekiranya umat Islam dibenarkan keluar dan masuk agama sesuka hati, ini bermakna hak umat Islam untuk memelihara agamanya telah dicabuli. Hukum Islam juga menetapkan bahawa keluar agama atau murtad merupakan suatu jenayah berat yang perlu diadili dan dihukum. Ini kerana, perbuatan keluar agama melibatkan kepentingan umum iaitu maruah agama dan umat Islam sendiri. Ianya bukanlah sekadar hak individu. Oleh yang demikian, Mahkamah memutuskan bahawa permohonan Pemohon untuk mengisytiharkan dirinya meninggalkan agama Islam adalah ditolak.

Mahkamah mempunyai pandangan yang sama sebagaimana diputuskan oleh Mahkamah Rayuan Syariah Pulau Pinang dalam kes *Majlis Agama Islam Pulau Pinang lwn Fatimah Tan bt. Abdullah [2009] JH27/II*, di mana panel rayuan menimbulkan isu yang sama, iaitu jika Islam melarang dan mengharamkan penganutnya keluar dari Agama Islam atau murtad, adakah Mahkamah Syariah diberikan bidangkuasa untuk

membenarkan orang Islam murtad? Jika Mahkamah Syariah diberikan hak tersebut, sudah tentulah ianya bertentangan dengan Hukum Syarak. Mengikut Hukum Syarak, seseorang Islam adalah tidak dibenarkan keluar dari Islam. Ini adalah hukum 'mandatori'.

Memang benar Islam tidak pernah memaksa sesiapa untuk memeluk Islam. Orang yang memeluk Islam mestilah dengan kerelaan dirinya, hasil dari keyakinan dan kehendak yang bebas dari sebarang paksaan. Selaras dengan apa yang telah dirakamkan oleh Allah S.W.T. dalam Surah al-Baqarah 256:-

لَا إِكْرَاهَ فِي الدِّينِ ۗ قَدْ تَبَيَّنَ الرُّشْدُ مِنَ الْغَيِّ ۗ فَمَنْ يَكْفُرْ بِالطَّاغُوتِ وَيُؤْمِن بِاللَّهِ فَقَدِ اسْتَمْسَكَ بِالْعُرْوَةِ الْوُثْقَىٰ لَا انفِصَامَ لَهَا ۗ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ

Maksud: *Tidak ada paksaan dalam agama (Islam), kerana sesungguhnya telah nyata kebenaran (Islam) dari kesesatan (kufur). Oleh itu, sesiapa yang tidak percayakan Taghut, dan ia pula beriman kepada Allah, maka sesungguhnya ia telah berpegang kepada simpulan (tali agama) yang teguh yang tidak akan putus. Dan (ingatlah), Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.*

Dalam Tafsir Pimpinan Ar-Rahman terbitan Dar-al Fikr halaman 82, telah diulas mengenai ayat 256 surah al-Baqarah seperti berikut:

"Salah satu daripada asas Agama Islam ialah tidak adanya suatu paksaan. Yang perlu ialah memberikan penerangan dan Da'wah Islamiyyah kepada orang ramai dengan cara yang baik dan bijaksana serta dengan contoh-contoh amalan yang baik menurut ajaran Islam yang sebenarnya."

Namun, Mahkamah berpendapat selepas seseorang memeluk Islam dan bertindak keluar dari anutan Islam sama ada melalui iktikad, percakapan dan tutur kata atau melalui perbuatannya, samalah dengan pengkhianatan terhadap seluruh anggota masyarakat Islam itu sendiri. Oleh itu, bagi orang yang mempermainkan perkara ini dan

menjadi contoh kepada orang lain dengan sewenang-wenangnya untuk keluar dan masuk Islam adalah perkara yang serius. Dan tidak bertepatan dengan kaedah fiqh yang berbunyi masalah yang umum lebih utama dari masalah yang khusus.

Penghakiman dalam kes *Che Omar bin Che Soh V Public Prosecutor [1988] 2 MLJ 55* ada mengatakan dengan memetik kata-kata di dalam buku karangan Abu Ala Al-Maududi, *The Islamic Law and Consitution*, 7 Edition, March 1980 iaitu:

"Adalah tidak dapat diragui bahawa Islam bukanlah hanya koleksi dogma-dogma dan hanya bersifat peribadatan sahaja malah ia merangkumi satu cara hidup yang meliputi kehidupan individu dan bermasyarakat, perundangan, politik, ekonomi, sosial, kebudayaan, moral dan perundangan. Cara ini memberi implikasi pada seluruh kehidupan dari segi prinsip dan nilai moral berpandukan Al-Quran melalui Rasulullah s.a.w di mana ia menjadi petunjuk yang perlu disanjung."

Lantaran itu, menjadi hak buat umat Islam untuk mempertahankan kesucian agamanya. Kesucian Islam bakal tercemar dengan perbuatan jenayah penganutnya. Dengan itu murtad bukan hak asasi, ia diharamkan oleh Islam malah si murtad yang tidak bertaubat tetap wajib dihukum.

Walau bagaimanapun, Islam sebagai agama yang rahmat lagi adil tetap memberi peluang kepada mereka untuk mempertimbangkan semula permohonan untuk keluar Islam. Mereka diberi kaunseling dan peluang untuk bertaubat. Hukuman ditangguhkan selagi mana terdapat harapan bertaubat. Hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan keluar agama Islam adalah dalam bentuk perintah untuk menjalani pemulihan akidah dan kaunseling. Oleh yang demikian, peluang untuk bertaubat bagi golongan muallaf hendaklah dibuka luas. Dengan memberi bimbingan agama secara berterusan selama masa yang difikirkan patut, ianya dapat mempertingkatkan kefahaman Islam dan sekaligus dapat mengekalkan kelslamannya. Ini kerana mereka yang memeluk agama Islam kurang mendalami ilmu pengetahuan dalam agama Islam.

Firman Allah S.W.T. di dalam surah an-Nahl ayat 125:

ادْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ ۗ وَجَادِلْهُمْ بِالتِّي هِيَ أَحْسَنُ ۚ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ
أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ ۗ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالمُهْتَدِينَ

Maksud: *Serulah ke jalan Tuhanmu (Wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; Sesungguhnya Tuhanmu Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalannya, dan Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.*

Sebagai kata-kata akhir, Mahkamah di sini ingin menasihati supaya Pemohon boleh bersabar dan cuba memperbaiki keadaan dan bukan mengambil jalan yang mudah untuk menukar akidahnya. Adalah perlunya dibendung pencemaran akidah di Malaysia ini dikhuatiri rahmat yang dibawa oleh Islam tidak dapat lagi dikecapi oleh umatnya kerana akibatnya amat buruk bukan sahaja kepada negara tetapi juga kewibawaan agama Islam itu sendiri sebagai satu maqasid syar'iyah yang wajib dipertahankan.

PERINTAH

- 1) **SAYA PERINTAH** Permohonan Pengisytiharan Bukan Islam Pemohon, xxxx, No. KP: 123456, **DITOLAK**.
- 2) **SAYA PERINTAHKAN** Pemohon mendapatkan bimbingan berterusan berkaitan akidah daripada Pejabat Agama Daerah atau Jabatan Mufti Negeri Terengganu.

DIBERI DIBAWAH TANDATANGAN saya dan meterai Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu di Kuala Terengganu pada hari Rabu, 20 Syawal 1434 Hijrah bersamaan 28 Ogos 2013.

METERAI

HAKIM